

PM bidas pakatan senyap

BH 26 JUL 1988

BAHAU, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas DAP dan Pas yang bersubahat secara senyap-senyap memancing undi untuk cuba menjatuhkan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya ini.

Perdana Menteri berkata, perbezaan ideologi kedua-dua parti pembangkang itu tidak menghalang mereka bekerjasama mencari pengaruh.

Beliau berkata sebelum merasmikan Pusat Kesihatan Kechil Palong 3,4 dan 5 di Jempol, kira-kira 30 kilometer dari sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan DAP dan Pas itu sangat meragukan. Beliau men-

dakwa pakatan dua parti itu tidak mungkin berjaya kerana rakyat sedar hanya kerajaan BN yang mampu mewujudkan kestabilan politik dan keadilan sosial.

Sebaliknya, BN yang dianggotai oleh beberapa parti komponen berbilang kaum, mengadakan pakatan secara terbuka sejak 1951. Pakatan ini sudah terbukti kejayaannya dan mempunyai 'tradisi membela rakyat'.

"Pakatan di kalangan parti pembangkang tidak lebih daripada pakatan semata-mata untuk mencari kesenangan sendiri. Kami dalam BN mengamalkan pakatan terbuka kerana kami percaya sikap ini boleh membawa pelbagai kesenangan ke-

pada rakyat."

Beliau menyerahkan kepada rakyat dan kebijaksanaan mereka untuk mengundi bagi membolehkan BN terus memerintah dan membawa kemajuan ke seluruh pelosok tanahair.

"Adalah tidak benar dakwaan parti pembangkang yang mengatakan kerajaan BN tidak memperjuangkan golongan kurang berada," tegas Perdana Menteri. Katanya, "Usaha BN untuk terus membangunkan negara akan lebih berkesan jika ia memperoleh majoriti dua pertiga dalam pilihanraya minggu depan."

Datuk Seri Dr Mahathir juga ragu sama ada teras perjuangan

Pas boleh benar-benar menegakkan syiar Islam. Keraguan ini juga wujud terhadap perjuangan DAP yang beliau sifatkan sebagai 'tidak demokratik, cuma eksyen sahaja'.

Beliau juga membidas DAP yang cuba menghalang kerajaan daripada menegakkan prinsip demokrasi melalui pilihanraya. Bagaimanapun, usaha ini gagal setelah mahkamah menolak writ parti itu awal minggu ini.

Perdana Menteri juga mempersoalkan tujuan pemimpin-pemimpin Pas yang mengutip derma daripada rakyat untuk tujuan jihad, tetapi sebaliknya membeli keperluan untuk kesenangan sendiri.